

**SOALAN NO: 258**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG]**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

**YB Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan doktor yang menunggu untuk menjalankan amalan kedoktoran (housemanship) dan apakah usaha yang dibuat untuk memastikan doktor pelatih ini dimanfaatkan khidmat mereka setelah tamat belajar sebelum mereka bekerja tetap.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sehingga September 2016, terdapat seramai 4,457 graduan perubatan telah mendaftar dan dipanggil temuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Daripada jumlah ini, seramai 2,804 graduan telah diberi penempatan manakala baki 1,653 graduan belum diberi penempatan dan akan dilantik secara berfasa.

Graduan Perubatan boleh memanfaatkan ilmu yang didapati setelah tamat belajar sebelum mereka dilantik sebagai Pegawai Perubatan dengan menyertai pelbagai aktiviti contohnya bekerja sementara atau menjalani program sangkutan (*attachment*) (dengan izin) samada berkait secara lansung atau tidak dalam bidang Perubatan. Walau

bagaimanapun graduan Perubatan hanya boleh menjalani aktiviti berkaitan bidang Perubatan selagi aktiviti tersebut tidak bercanggah dengan Akta Perubatan 1971. Graduan Perubatan tidak boleh memberikan rawatan kepada pesakit kerana mereka belum memiliki Sijil Pendaftaran daripada Majlis Perubatan Malaysia.